

13 JUL 2001

ASEAN-TELEKOMUNIKASI/I

GESAAN ASEAN YANG LEBIH BERSAMBUNG DAN SALING BERHUBUNG

KUALA LUMPUR, 13 Julai (Bernama) -- Para menteri telekomunikasi Asean mengakhiri mesyuarat sulung mereka dengan menggesa kerjasama lebih besar bagi memastikan bahawa rantau ini lebih bersambung dan saling berhubungan untuk menarik agihan pelaburan global yang lebih adil dan mempertingkatkan pertumbuhan mapan di kawasan ini.

Menutup Mesyuarat Menteri-menteri Telakomunikasi Asean (TELMIN) Pertama mereka di sini hari ini, mereka mengiktiraf Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) sebagai pemboleh pertumbuhan bagi ekonomi-ekonomi negara-negara anggota Asean dan sebagai alat berpotensi dalam ekonomi global yang kian meningkat.

Di dalam kenyataan bersama yang dikeluarkan pada akhir mesyuarat itu, mereka juga memperakui bahawa ICT membolehkan capaian kepada sumber-sumber maklumat di seluruh dunia, menggalakkan perniagaan dan rangkaian melampaui sempadan-sempadan dan membantu dalam menyibar luaskan pengetahuan mengenai amalan-amalan terbaik dan pengalaman.

Para menteri itu menggariskan pentingnya perjanjian kerangka e-Asean yang ditanda tangani oleh para pemimpin Asean pada November 2000 untuk memberikan pergerakan lebih besar untuk menangani secara kolektif isu jurang digital dan mempertingkatkan daya perhubungan negara-negara anggota dengan meningkatkan prasarana maklumat nasional mereka.

Mereka turut memperakui bahawa e-Asean boleh dengan berkesan menggalakkan pertumbuhan ekonomi, pembangunan sosial dan tadbir urus lebih baik dan juga mempertingkatkan capaian kepada maklumat dan berita, membesarkan peluang-peluang pekerjaan, meningkatkan pengeluaran ekonomi, mengadakan capaian yang lebih cekap kepada pelbagai perkhidmatan kerajaan, menjadikan pembelajaran jarak jauh dan latihan lebih berkesan, meningkatkan penyampaian perkhidmatan kesihatan, termasuk penggunapakaian tele-perubatan.

Mereka menekankan keperluan melipat gandakan usaha-usaha kerja sama dalam memajukan e-Asean, khususnya dalam mempermudah realisasi awal prasarana maklumat Asean (AII), mempertingkatkan akses universal dan termampu kepada perkhidmatan komunikasi dan maklumat termasuk Internet dan pembinaan kapasiti sumber-sumber manusia.

Menteri-menteri itu juga menggesa negara-negara anggota mengujudkan dasar-dasar dan persekitaran kawal seliaan yang responsif bagi pelaburan, pembangunan prasarana dan perkembangan teknologi dan terus bekerjasama dalam mempertingkatkan kapasiti bagi warga-warga Asean untuk berhubung dalam era maklumat ini.

Mereka berkongsi bersama pandangan bahawa pelaksanaan AII yang berjaya bergantung kepada komitmen dan kerjasama yang kukuh negara-negara anggota.

Mereka bersetuju bahawa negara-negara anggota patut saling membantu dalam pembangunan AII, termasuk prasaran rangkaian, aplikasi dan perkhidmatan dalam dasar-dasar kawal seliaan dan pelaburan.

Para menteri itu menyatakan sokongan kepada seruan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya menangani isu-isu mengenai merapatkan jurang digital dan mempertingkatkan kapasiti manusia melalui penubuhan pusat-pusat kecemerlangan serantau dalam ICT dan meningkatkan keselamatan perangkaian melalui satu pusat penyelaras keselamatan rangkaian Asean yang dicadangkan.

Mereka juga menanda tangani persefahaman peringkat menteri mengenai kerjasama Asean dalam telekomunikasi dan teknologi maklumat hari ini.

Persefahaman itu merasmikan hasrat Asean, antara lain, menggerakkan kerjasama Asean ke hadapan dalam sektor telekomunikasi dan teknologi maklumat dengan menubuhkan AII dan meningkatkan lagi inisiatif e-Asean, merapatkan jurang digital melalui pembinaan kapasiti dan program-program pembangunan sumber manusia dan mempermudah perdagangan dan pelaburan kalangan Asean dalam ICT.

Untuk memajukan kerjasama Asean dalam sektor ICT, para menteri itu bersetuju kepada pembentukan lima kumpulan kerja, iaitu, bagi prasarana maklumat Asean, pembinaan kapasiti, akses universal dan jurang digital, mempermudah perdagangan dan pelaburan dan pengguna Internet yang positif.

TELMIN kedua akan diadakan di Manila pada Julai-Ogos 2002.

-- BERNAMA

LES/NM MR SD OS